

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 13.11.2017

SOALAN :

Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan apakah usaha Kementerian bagi mengatasi isu kekurangan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah dengan nisbah seorang guru kepada 350 murid bagi sekolah rendah dan seorang guru untuk 500 pelajar bagi sekolah menengah sehingga masih terdapat banyak sekolah yang hanya melantik guru biasa yang bertindak sebagai kaunselor sedangkan seorang kaunselor perlu mendapat latihan dan pengalaman yang mencukupi bagi berhadapan dengan pelajar dan ibu bapa serta adakah kekurangan guru kaunseling di sekolah menjadi antara sebab kepada peningkatan kes pelajar melakukan aktiviti yang tidak bermoral dan jenayah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan waran perjawatan tahun 2002, nisbah seorang Guru Bimbingan dan Kaunseling adalah 350 murid bagi sekolah rendah dan 500 pelajar bagi sekolah menengah. Sebarang cadangan perubahan kepada nisbah murid dan guru kaunseling serta ketetapan bagi setiap sekolah mempunyai sekurang-

kurangnya seorang guru kaunseling adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Bimbingan dan Kaunseling mulai tahun 2013. Seramai 166 orang pelajar telah bergraduat pada 2017 dan 121 orang pelajar telah diberikan penempatan di sekolah rendah di seluruh Malaysia. Seramai 389 orang pelajar sedang mengikuti pengajian di kampus-kampus IPG.

Bagi menangani masalah disiplin di sekolah, KPM melaksanakan pelbagai pendekatan yang bersepadu termasuk menggunakan pengaruh rakan sebaya. Penubuhan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) merupakan pemudah cara dalam membantu rakan murid yang mempunyai masalah disiplin di sekolah. PRS dilatih oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam aspek kemahiran membantu, asas komunikasi dan kemahiran menyelesaikan masalah. PRS juga merupakan saluran pilihan bagi murid mencurahkan emosi dan perasaan kepada rakan sebaya yang mungkin sukar diluahkan kepada orang dewasa.